

18 NOV 2003

Negara-Bahas (RMK-8)

WAKIL PAS KELANTAN AKUI TINDAKAN SIASAT 13 PELAJAR DI BAWAH ISA WAJAR

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Seorang senator yang mewakili kerajaan PAS Kelantan hari ini mengakui tindakan kerajaan menahan 13 pelajar di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebaik saja tiba dari Pakistan sebagai langkah wajar.

Wan Ubaidah Omar semasa membahaskan usul Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) pada mulanya mendakwa penahanan itu telah menghancurkan impian orang ramai yang mengharapkan kepimpinan yang lebih demokrasi di bawah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri yang baru.

"Dalam suasana rakyat mengharapkan ada satu pembaharuan daripada kerajaan, kita telah melihat satu episod yang agak malang kepada 13 orang pelajar Malaysia yang ditahan di bawah ISA sebaik saja mereka menjejakkan kaki di KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur).

"Ini berlaku dalam minggu pertama Malaysia diperintah oleh yang amat berhormat Perdana Menteri baru. Nampaknya hancur sudah hasrat rakyat yang mengharapkan supaya sistem demokrasi dibaikpulih," katanya di Dewan Negara, di sini hari ini.

Kenyataan Wan Ubaidah itu serta merta mendapat reaksi dari Senator Datuk Yaakob Mohammed yang bangun meminta penjelasan.

Yaakob dalam soalnya ingin tahu adakah wajar kerajaan menggadaikan keselamatan negara semata-mata kerana faktor kemanusiaan, sedangkan menurutnya 13 pelajar berkenaan telah ditahan oleh pihak berkuasa Pakistan yang mendapat maklumat kesemua pelajar itu mempunyai kaitan dengan kegiatan militan.

Wan Ubaidah dalam jawapannya akur dan mengakui tindakan kerajaan itu adalah wajar demi memastikan keselamatan negara terjamin.

"Walau bagaimanapun saya mengharapkan pelajar-pelajar ini tidak ditahan begitu lama, kerana mereka ini masih remaja dan penahanan di bawah ISA boleh meninggalkan trauma kepada mereka," katanya.

Wan Ubaidah seterusnya mencadangkan kepada kerajaan supaya menyediakan senarai negara-negara yang dipercayai sarang pengganas untuk dijadikan rujukan kepada ibu bapa yang ingin menghantar anak mereka belajar di luar negara "agar ibu bapa tak hantar anak-anak mereka ke sana,".

Awal minggu lepas, 13 pelajar yang pernah ditahan oleh pihak berkuasa Pakistan kerana disyaki terbabit dengan kegiatan militan, ditahan di KLIA mengikut ISA kerana disyaki mempunyai kaitan dengan Jemaah Islamiah (JI), dan sehari selepas penahanan mereka, media melaporkan Perdana Menteri sebagai berkata penahanan mereka adalah untuk siasatan semata-mata.

Sementara itu, Senator Lim Kee Moi pula semasa membahaskan usul itu berkata kerajaan perlu mencari jalan menghasilkan pelbagai produk daripada bahan mentah yang boleh didapati di negara ini.

Katanya jika negara terlalu bergantung kepada mengeksport bahan-bahan mentah semata-mata, keuntungannya tidak selumayan menghasilkan produk akhir daripada bahan-bahan berkenaan.

"Negara kita adalah negara pengeluar koko, tetapi kenapa kita tidak boleh menjadi pengeluar coklat yang terbaik setanding dengan pengeluar coklat dunia seperti Switzerland dan negara pengeluar coklat lain?," katanya.

Sementara itu, Senator Azizah Mohd Dun pula berkata dalam usaha melahirkan ramai graduan, langkah perlu diambil bagi melahirkan graduan yang kompetitif.

Katanya disebabkan tidak kompetitif graduan-graduan berkenaan gagal mendapat pekerjaan, menyebabkan kerajaan terpaksa mengadakan kursus-kursus kemahiran bagi membolehkan mereka diterima untuk bekerja di pelbagai sektor dalam perkhidmatan awam atau swasta.

"Latihan kemahiran pula perlu disediakan kepada graduan yang tidak kompetitif yang membawa kepada pembaziran wang dan waktu," katanya dan menambah bahawa untuk mencapai status negara maju, kerajaan perlu memberi tumpuan kepada usaha mengeluarkan tenaga kerja mahir dan "world class".

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

MUN MUN AZH